



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (7)

Tarikh : 5 Februari 2021

SIARAN MEDIA

PERUNTUKAN RM1.2 JUTA UNTUK PROJEK BAIK PULIH DAN NAIK TARAF

KAJANG, 5 Februari 2021 – YB Datuk Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah mengadakan sesi lawatan ke Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang merupakan sebahagian daripada siri lawatannya ke Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Lawatan ini bertujuan untuk memastikan PBT terus berdaya saing dan sentiasa menyantuni rakyat serta memastikan agar perkhidmatan PBT kepada rakyat diteruskan dalam keadaan norma baharu.

YB Menteri KPKT turut diberikan taklimat mengenai perkembangan terkini pelaksanaan inisiatif di bawah MPKj termasuk pelaksanaan projek pembangunan, infrastruktur, pelancongan dan juga rekreasi.

Dalam kunjungan itu, YB Menteri KPKT turut meluluskan peruntukan berjumlah RM1.2 juta bagi inisiatif pembinaan dan menaik taraf kawasan komuniti, ruang perniagaan dan tarikan pelancongan setempat.

Antara projek yang terlibat dalam kelulusan peruntukan berjumlah RM1.2 juta ini adalah seperti berikut:

1. Membaik pulih bumbung di Dewan Komuniti Seksyen 7, Bandar Baru Bangi
2. Meroboh dan membina gerai perniagaan yang rosak akibat kebakaran di Taman Perkasa, Hulu Langat
3. Menaiktaraf kemudahan rekreasi di Bukit Broga, Hulu Langat

YB Menteri KPKT turut meminta agar PBT mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan cepat terhadap pelupusan kereta usang selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar di Kawasan Operasi PBT yang telah diluluskan oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada tahun 2020.

Bagi memantapkan lagi sistem pengurusan pelupusan kereta terbiar, satu kajian melibatkan lima PBT terpilih akan dilaksanakan bagi memastikan kelancaran serta kaedah pelaksanaan terbaik dapat dicapai. Antara PBT yang telah dikenalpasti termasuk Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Dalam perkembangan lain, MPKj turut bertindak sebagai *frontliner* di sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) serta Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Ia meliputi tugas penguatkuasaan pematuhan SOP, pematuhan keselamatan premis perniagaan, sanitasi awam di aset-aset MPKj, bangunan kerajaan serta pentadbiran selain meningkatkan kawalan keselamatan dan kebersihan di pasar-pasar awam di kawasan MPKj.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my